

Dr. Mahathir syorkan P. Pinang jadi pintu pelancong ke Timur

FRUNKFURT, Rabu (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan cadangan menjadikan Pulau Pinang sebagai pintu keluar bagi pelancong ke timur.

Beliau memberitahu tiga pengusaha pelancongan dan penerbangan sewa khas Jerman Barat yang terkemuka di satu pertemuan di Holiday Inn di sini bahawa Malaysia akan menerima

Oleh K.H
CHAN

penerbangan sewa khas dari Jerman ke Pulau Pinang.

Pada masa ini, penerbangan sewa khas Jerman pergi ke Bangkok sebagai tempat pembahagian pelancong-pelancong pergi ke negara-negara lain di rantau ini.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata selepas majlis pertemuan itu, "apa yang kami ingini ialah supaya mereka terbang terus ke Pulau Pi-

nang".

Pulau Pinang boleh menjadi tempat bermulanya perjalanan pelancong di rantau ini.

Bagaimanapun, Dato Seri Dr. Mahathir berkata beberapa waktu diperlukan untuk memperkenalkan Malaysia sebelum pengusaha boleh membuat keputusan bagi melancarkan penerbangan sewa khas.

Tiga buah syarikat yang menemui Dato Seri Dr. Mahathir itu ialah "Condor" iaitu sebuah anak syarikat Lufthansa, yang merupakan syarikat sewa khas Jerman Barat yang terbesar. Ia mengadakan penerbangan sewa khas dua kali seminggu ke Bangkok.

"N-U-R (Neckermann and Reisen), sebuah syarikat pengusaha pelancongan yang menawarkan pelancongan ke Malaysia dari Bangkok dan "Terramar" yang juga menawarkan kunjungan ke Malaysia.

Adalah difahamkan bilangan pelancong Jerman yang pergi ke Bangkok telah berkurangan, iaitu dari 85,956 orang dalam tahun 1976 kepada 79,061 orang dalam tahun 1977.

Syarikat-syarikat itu juga berpendapat bahawa kemudahan yang terdapat di kebanyakan hotel-hotel tepi pantai di Pulau Pinang sekarang belum lagi mencukupi.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menemui Naib Presiden Bison-Werke untuk membincangkan syor syarikat menjalankan projek papan campur simen dan rumah rangka siap di Malaysia.